

21 JAN 2002

Tioman-Reaksi

TIOMAN SEBAGAI PULAU BEBAS CUKAI TERIMA PELBAGAI REAKSI

PULAU TIOMAN, 21 (Bernama) -- Langkah kerajaan menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai bagi menarik lebih ramai pelancong telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk dan juga pelancong yang berada di sini.

Walaupun secara keseluruhannya mereka bersetuju dengan langkah kerajaan yang dirasakan bertujuan membantu masyarakat di sini meningkatkan taraf hidup mereka, tetapi timbul juga kerisauan terhadap beberapa perkara.

Abdul Latif Salam, 45, dari Kampung Mukut di sini berkata, beliau menyambut baik langkah kerajaan itu untuk menjadikan Tioman sebagai pulau bebas cukai yang dapat membantu penduduk tempatan meningkatkan taraf hidup mereka.

Namun demikian beliau melahirkan kerisauannya terhadap kemungkinan timbul masalah sosial di kalangan penduduk pulau ini terutamanya golongan muda apabila Tioman dibangunkan dengan lebih pesat nanti.

"Sedikit sebanyak mesti ada kesan buruk, kerana pengaruh yang dibawa dari luar. Tetapi bagi saya ianya terpulanglah kepada penduduk tempatan sendiri untuk mengatasi masalah itu.

"Jika tiada ramai orang datangpun tetapi kalau penduduk mahu terikut dengan perkara yang salah, maka mereka akan tetap melakukannya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengesahkan yang Kabinet telah memutuskan untuk memberikan status bebas cukai kepada Tioman.

Dengan pemberian status itu, Tioman akan menjadi pulau ketiga di negara ini untuk diberikan status itu selepas Langkawi dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Latif yang mengusahakan Chalet di Kampung Mukut berkata, langkah kerajaan itu juga merupakan satu rahmat kepada penduduk kerana, selain menambah pendapatan mereka, ianya dapat membantu penduduk pulau ini mendapatkan barangan dengan harga yang lebih rendah.

Menurutnya, harga barangan di pulau ini pada masa ini agak tinggi, kerana semua barangan perlu dibawa dari tanah besar dan ini sedikit sebanyak menyebabkan perbelanjaan mereka agak tinggi.

"Langkah ini juga memberikan peluang kepada penduduk untuk mendapatkan lebih banyak barangan dengan mudah dan murah serta kemudahan lain yang lebih baik," katanya.

Bagi Ismail Awang Ngah, 60, seorang nelayan yang menjalankan kegiatan menyewa bot secara sambilan, langkah berkenaan akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutamanya berkaitan industri pelancongan dan perkhidmatan.

Bagaimanapun menurutnya, status bebas cukai akan menjadi tarikan yang lebih kuat kepada rakyat Singapura, katanya.

-- BERNAMA

HIS PR